

UiTM Shah Alam juara Sukan Karisma

HM 5/12/06

>>Oleh Shahrin Osman
am@hmetro.com.my

KONTINJEN Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor muncul juara keseluruhan apabila menewaskan 13 kontinjen lain pada Karnival Sukan Mahasiswa (Karisma) UiTM 2006 di UiTM Pulau Pinang, kelmarin.

UiTM Shah Alam memungut 15 pingat emas, tujuh pingat perak dan tiga pingat gangsa, manakala kontinjen UiTM Perlis pula menduduki tempat kedua dengan lima pingat emas, tujuh pi-

ngat perak dan dua pingat gangsa.

Manakala, kontinjen UiTM Kedah pula menduduki tempat ketiga dengan memperolehi pungutan satu pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa.

Pengarah UiTM Pulau Pinang, Prof Dr Mohammad Nor Berhan, menyampaikan hadiah kepada pemenang serta menutup Karisma kali ke-14 yang berlangsung selama enam hari bermula 28 November lalu.

Kontinjen UiTM Shah Alam berjaya memungut 15 pingat emas menerusi acara

bola baling wanita, bola jaring (wanita), badminton, memanah (wanita), taekwondo (lelaki dan wanita) serta hoki (lelaki).

Selain itu, pingat emas turut diperolehi menerusi acara tenis (lelaki), ping pong, sepak takraw regu, sepak takraw berpasukan, bola tampar (lelaki), bola tampar (wanita), bowling (lelaki) dan ragbi (lelaki).

Sempena majlis penutupan Karisma 2006, kontinjen UiTM Pahang diisytiharkan menjadi tuan rumah Karisma kali ke-15 pada tahun depan.

FOTO | SHAHRIN OSMAN



BANGGA...Kontinjen UiTM Shah Alam muncul juara keseluruhan Karisma UiTM 2006 di Laman Perdana UiTM Pulau Pinang, Permatang Pauh, kelmarin.